

Faktor dan Kemunduran Artifak Budaya dalam Masyarakat Iban di Sarawak

Factors and Regression of Cultural Artifacts in the Iban Community in Sarawak

Gregory Kiyai @ Keai^{1*}

City Graduate School, City University Malaysia,
46100, Petaling Jaya, Selangor Malaysia

*e-mail: gregory_kiyai@yahoo.com

Published: 28 June 2023

To cite this article (APA): Kiyai @ Keai, G. (2023). Faktor dan Kemunduran Artifak Budaya dalam Masyarakat Iban di Sarawak. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(1), 67–79. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.6.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.6.2023>

Abstrak

Perspektif masyarakat Iban terhadap kewujudan artifak budaya nenek moyang mereka dan kepentingannya dengan keperluan hidup mereka kini telah berubah. Penggunaan artifak budaya terhadap amalan hidup mereka dari segi adat dan budaya Iban lama sudah dianggap tidak relevan, lalu diketepikan dan digantikan dengan budaya baharu atau mengadaptasi budaya komtemporari yang dianggap lebih mendatangkan kebaikan dan keharmonian dalam kualiti kehidupan mereka. Oleh itu, kajian ini adalah untuk memahami, meneliti dan merungkai perubahan artifak budaya Iban dalam budaya masyarakatnya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu *exploratory research* dan pendekatan model Lewin's (1947) bagi melihat perubahan dalam kelompok manusia. Hasil penyelidikan mendapati bahawa perubahan dan kemunduran artifak budaya Iban adalah bersangkut pahut dengan pelbagai faktor, namun yang paling dominan dalam mempengaruhi perubahan ini adalah faktor globalisasi dan tuntutan agama baharu. Satu langkah yang jitu perlu dilaksanakan bagi memastikan artifak budaya Iban dapat dilestarikan bagi generasi yang akan datang dalam ambang menghadapi keterpinggiran artifak budaya masyarakat Iban di masa hadapan.

Kata kunci artifak budaya, Iban, kemunduran budaya, perubahan budaya, warisan budaya

Abstract

The perspective of the Iban community on the existence of cultural artifacts of their ancestors and its connection with their life needs has now changed. The use of cultural artefacts on their life experience in terms of old Iban customs and culture has been considered irrelevant and then set aside and replaced with new culture or adapting contemporary culture which is considered to bring more benefits and harmony in their life quality. Therefore, this paper is to understand, examine and unravel the changes in Iban cultural artifacts in the culture of the community by using qualitative method which is exploratory research and using Lewin's (1947) model approach by looking at changes in human groups. The results of the research found that the change and regression of Iban cultural artifacts is related to various factors, but the most dominant factor is influenced by globalization and their new religious demands. Therefore, on the verge of facing the marginalization of Iban cultural artifacts in the future, a precise step needs to be implemented to ensure that Iban cultural artifacts can be preserved for future generations.

Keywords cultural artifacts, Iban, cultural decline, cultural change, cultural heritage

PENDAHULUAN

Pengalaman hidup dan membesar dalam amalan serta lingkungan komuniti Iban di rumah panjang telah memberi banyak pendedahan dan pengetahuan berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian masyarakat Iban melalui pelbagai perspektif iaitu memori, cerita lisan, pemerhatian serta komunikasi secara verbal. Faktor ini yang telah membuka minda dan minat penyelidik terhadap kesenian dan kebudayaan Iban terutamanya berkaitan dengan penciptaan artifak budaya Iban. Pelbagai faktor telah mengubah corak kebudayaan dan kesenian masyarakat Iban di Sarawak, seperti kolonialisasi Barat semasa era dinasti Brooke (1841 sehingga 1941) dan British (1946 sehingga 1949) yang telah menyebarluaskan agama Kristian dan menukar agama nenek moyang masyarakat Iban, telah mempengaruhi kemerosotan amalan dan penggunaan artifak budaya dalam kalangan masyarakat Iban seperti yang dijelaskan oleh (Mujani dan Yusuf, 2010).

Seiring dengan perkembangan masa, keaslian dalam budaya telah menjadi satu isu hangat yang diperdebatkan dalam era pasca moden ini apabila para penyelidik dalam bidang Sains Sosial mula memperdebatkan keaslian sesebuah budaya tersebut dipengaruhi oleh masa dan penyesuaian zaman. Roddin et al. (2013) berpendapat bahawa budaya asli dalam sesebuah komuniti sudah berada di paras kemunduran berperingkat. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang sentiasa membentuk dan mendorong kemunduran dalam sesebuah budaya tersebut. Atas faktor kecelaruan tersebut telah mendorong banyak langkah yang dilakukan bagi mengembalikan semua keaslian budaya dengan kaedah konservasi bagi tujuan penyelamatan, kelestarian, kesinambungan dan pengekalan.

Kajian ini menjurus secara khusus tentang faktor-faktor dan kemunduran artifak budaya Iban dalam kalangan masyarakat itu sendiri serta membincangkannya dalam konteks budaya dan sosial.

ARTIFAK DALAM BUDAYA IBAN

Artifak budaya Iban dapat dilihat kepada dua komponen, iaitu warisan dan pusaka. Warisan merujuk kepada artifak budaya yang dikongsikan bersama oleh masyarakat Iban. Artifak warisan merupakan sebuah objek budaya yang dibangunkan melalui kearifan tradisi, cerita lisan, adat dan istiadat serta pandangan mereka terhadap dunia. Artifak warisan bersifat organik dan mudah dijumpai bahannya pembuatannya. Gambar 1 adalah contoh artifak warisan.



Gambar 1 Artifak Warisan Iban
(Sumber: kerja lapangan di Muzium Sarawak, 2021)

Manakala, artifak pusaka ialah pemilikan sendiri dan artifak ini diwariskan dalam garis keturunan pemiliknya sahaja seperti seramik, objek logam dan besi. Gambar 2 ialah contoh artifak pusaka Iban, iaitu seramik, tembikar dan gong. Selalunya artifak pusaka bersifat mewah dan hanya diperolehi melalui kegiatan ekonomi seperti pembelian, pertukaran barang dan hantaran kawin serta bersifat non-organik dan tidak dihasilkan dalam kebudayaan Iban. Setiap artifak ini mempunyai peranan yang sangat penting dalam kebudayaan orang Iban di rumah panjang sebagai harta, simbol kekayaan dan hantaran perkahwinan (Kiyai dan Tugang, 2020; Tugang, 2011).





Gambar 2 Artifak Pusaka Iban
(Sumber: kerja lapangan di Muzium Sarawak, 2021)


Artifak masyarakat Iban penuh dengan nilai kepercayaan adat dan pantang larang dalam kehidupan mereka. Setiap penciptaan artifak budaya haruslah bersandarkan kepada norma budaya yang telah diwarisi sejak turun temurun. Masyarakat Iban mempunyai inovasi diri yang tinggi dalam mewujudkan keanekaragaman corak dan bentuk alam semula jadi seperti tumbuhan, haiwan dan motif spiritual dalam pembuatan artifak budaya yang telah menjadi identiti dan legasi mereka sehingga ke hari ini. Tradisi pembuatan ini menjadi satu keartikan tempatan bagi masyarakat Iban di Sarawak untuk terus mempertahankan nilai tradisi dalam kehidupan mereka (Kiyai, 2022). Kewujudan artifak budaya dalam masyarakat Iban adalah berkait rapat dengan lingkungan dan kepercayaan mereka iaitu bersumberkan alam. Alam sekitar bukan hanya menjadi penempatan, namun menjadi guru yang mengajarkan mereka dalam mencetuskan idea yang kompleks untuk mencipta sesebuah objek yang berfungsi (Kiyai, 2021).

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini bersifat *explanatory research* yang menggunakan kaedah kualitatif untuk merungkai, memahami dan menganalisis faktor serta kemunduran artifak budaya dalam masyarakat Iban di Sarawak. Pengumpulan data bersandarkan kepada kerja lapangan, pemerhatian dan temubual bersama-sama dengan informan berdasarkan kepada *snowball sampling*. Pemilihan informan bersandarkan kepada cadangan informan dengan melihat kepada kepakaran, pengetahuan dan kolektif memori mereka. Selain itu, penyelidik turut menggunakan sumber-sumber bertulis seperti laporan tahunan Jabatan Muzium Sarawak, buku dan jurnal sebagai rujukan dalam mencari dan mendapatkan sokongan data penyelidikan. Lokasi penyelidikan ini bertempat di beberapa rumah panjang, iaitu Rumah Bujang, di Limbang, Rumah Liam di Rantau Kembayau Manis, Lubok Antu dan Rumah Kunjang, Entawa Asal, Undop Sri Aman, di Sarawak. Pemilihan lokasi penyelidikan ini bertujuan untuk melihat variasi data daripada perspektif masyarakat Iban.

Konseptual Penyelidikan


Penyelidikan ini mengadaptasi model Lewin's (1947) dalam melihat dan membincangkan kepada faktor dan kemunduran material budaya dalam masyarakat Iban di Sarawak. Model yang dihasilkan oleh Lewin's berfungsi untuk memahami perubahan yang dilakukan oleh manusia dalam hidup mereka dan melihat kesan serta implikasinya ke atas kehidupan mereka sama ada baik ataupun tidak (Lewin's, 1947; Stebbins, 2001; Burnes, 2020).



Rajah 1 Model Three Stage Theory
(Sumber: Lewin's, 1947)

DAPATAN PENYELIDIKAN

Rajah 2 merupakan beberapa faktor yang menjadi mendorong kepada kemunduran artifak budaya masyarakat Iban, antaranya adalah:



Rajah 2 Faktor-faktor kemunduran artifak dalam budaya Iban
(Sumber: diubahsuai daripada kerja lapangan dan temubual, 2019)

FAKTOR-FAKTOR DAN KEMUNDURAN ARTIFAK IBAN

Migrasi

Menurut informan Jimbun Tawai (2019) dalam masyarakat Iban, aktiviti migrasi ini sudah lama dilakukan dan menjadi adat dalam diri mereka. Terdapat dua proses migrasi yang dilakukan oleh masyarakat Iban. Pertama, migrasi sementara yang disebut sebagai *Bejalai*, iaitu tujuan mencari ilmu di tempat orang dan migarsi kedua disebut sebagai migrasi tetap. Migrasi tetap kerap kali dilakukan oleh masyarakat Iban bagi tujuan mencari penempatan baharu untuk menjalankan aktiviti penanaman padi huma. Sesetengahnya, berpusatkan faktor keselamatan dari diserang pihak musuh yang melakukan aktiviti Ngayau.

Proses migrasi tersebut berlaku dalam keadaan pro dan kontra, iaitu secara sukarela atau tekanan (migrasi berlaku secara baik atau terdapat krisis dalaman di antara penduduk rumah panjang). Impak migrasi tersebut akan menghasilkan dua tindakan, iaitu migrasi secara berkumpulan (melibatkan seluruh rumah panjang) atau berpecah menjadi dua kumpulan. Jadi, migrasi ini memberi kesan kepada kemuduran budaya dan faktor untuk berlakunya modifikasi budaya itu adalah tinggi. Menurut informan Kiyai Uri (2019) mengatakan dahulu, masyarakat Iban hidup secara berkumpulan di bawah satu ketua yang disebut sebagai *tuai*. Fungsi *tuai* memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju kehidupan masyarakat Iban ketika itu. Peranan *tuai* sangat mempengaruhi perkara yang berkaitan dengan budaya Iban. Tugas *tuai* ini diteruskan secara generasi ke generasi dan sentiasa berkesinambungan ke anak cucunya. Seluruh komuniti harus bermula dari awal dengan melantik seorang *tuai* yang baharu sebagai ketua apabila masyarakat Iban berpecah dan melakukan migrasi. Tindakan tersebut menyebabkan prinsip hidup dan amalan budaya Iban berpecah menjadi dua aliran yang turut mempengaruhi penggunaan artifak dalam budaya.

Implikasinya kepada generasi Iban baharu akan mewujudkan perbezaan pandangan berkait dengan penggunaan dan amalan budaya yang betul dan tepat seperti yang diwariskan oleh nenek moyang masyarakat Iban dahulu.

Kolonial Barat

Kemasukan imperialisme ke Sarawak telah mengubah demografi dan landskap budaya masyarakat Iban. Kemasukan penjajah telah menerapkan kebudayaan barat dalam kalangan penduduk di negeri ini melalui cara halus dengan mewujudkan pelbagai kemudahan dan kemasukan agama Kristian. Masyarakat Iban tradisional sangat berpegang teguh dengan kebudayaan nenek moyang telah perlahan-lahan memeluk agama Kristian sebagai asas pegangan hidup. Sepanjang tempoh itu, kebudayaan dan tradisi masyarakat Iban telah banyak berubah dari warisan yang selalu diamalkan sejak turun temurun (informan Penghulu Tan Kayan, 2019).

Perubahan budaya dalam kalangan orang Iban menjadi lebih ketara apabila James Brooke telah menyekat kegiatan amalan *Ngayau*. Brooke merasakan bahawa tindakan pemburuan kepala manusia adalah tidak bertamadun dan berperikemanusiaan. Penghapusan amalan tersebut merupakan satu titik kemunduran budaya dalam masyarakat Iban yang telah menghakis dan melunturkan kemahiran mereka dalam perang, pembuatan artifak budaya yang digunakan dalam peperangan dan kepercayaan mereka di medan tempur. Masa kini, artifak budaya seperti *ilang*, *baju perang* (*Baju Burong*), *terabai* dan *sumpit* hanya boleh dilihat di dalam pameran galeri muzium sahaja. Namun, terdapat beberapa keluarga-keluarga Iban yang masih menyimpan artifak ini sebagai harta pusaka untuk tujuan kenang-kenangan.

Walaupun Brooke menentang amalan *Ngayau* dalam kebudayaan Iban, namun beliau telah mengambil kesempatan atas kemahiran masyarakat tersebut sebagai barisan pertahanannya di Sarawak. Brooke berpendapat bahawa tentera Sikh tidak setia dan tidak mampu beradaptasi dengan keadaan hutan Borneo yang mencabar sebagaimana masyarakat Iban yang mahir dan arif tentang keadaan geografi tersebut. Pada tahun 1862, Brooke telah mewujudkan satu barisan tentera dipanggil sebagai *Sarawak Rangers* yang terdiri dapaipada masyarakat Iban kerana kemahiran dan pengalaman perang mereka sebelum ini. Tujuannya adalah untuk menjaga keamanan dan menjadi benteng pertahanan di Sarawak. Secara perlahan-lahan, budaya *Ngayau* telah dihakis dalam budaya Iban.

Agama

Pada tahun 1848, Brooke telah menjemput Father Francis Thomas McDougall datang ke Sarawak bagi menyebarkan agama Kristian. Matlamat awalnya adalah untuk menyebarkan fahaman Kristian ajaran *Anglican* dalam kalangan orang Melayu di Sarawak, namun usaha tersebut gagal disebabkan orang Melayu sudah memegang kuat agama Islam. Usaha ini diteruskan lagi oleh Charles Brooke pada tahun 1881, beliau telah membawa Father Edward Dunn, iaitu seorang paderi ajaran Katolik. Penyebaran ajaran beliau lebih tertumpu kepada penempatan masyarakat Iban di Sarikei dan Saribas. Bemula dari itu, ajaran Kristian mula menyebar ke seluruh Sarawak. Faktor yang menjadikan agama Kristian mudah diterima dalam kalangan masyarakat Iban kerana pendekatan yang digunakan oleh Father Dunn mudah diterima serta beliau sering berkongsi ilmu pertanian dan agak mesra dengan orang Iban.

Pegangan agama baharu ini menyebabkan masyarakat Iban meninggalkan kepercayaan lama mereka kerana dianggap bertentangan dengan ajaran agama baharu mereka. Kedudukan *Manang* dan *Beliau* sebagai orang yang pakar dalam hal ehwal agama makin dilupakan dan digantikan dengan paderi sebagai orang yang bertanggungjawab dalam perkara keagamaan. Dahulu, peranan *Manang* sangat penting dalam adat istiadat masyarakat Iban. Contohnya, sekiranya mereka ingin membuka tanah baharu bagi tujuan penempatan atau tanah bercucuk tanam. Kawasan yang dipilih haruslah diteliti atau *pansik* oleh *Manang* atau *Tuai Burong*. Cara *pansik* kawasan tersebut adalah dengan mendengar bunyi burung kerana orang Iban percaya bahawa bunyi burung adalah penanda dan petanda daripada *Petara*. Setelah itu, barulah *Manang* akan mentafsir kejadian tersebut sama ada tanah yang dipilih sesuai atau tidak bagi tujuan yang diinginkan supaya adat dan pantang larang tidak dilanggar bagi mengelakkan bencana, wabak penyakit serta menjaga hubungan orang Iban dan alam sekitar.

Menurut informan Penghulu Tan Kayan (2019) sebelum kemasukan agama Kristian ke Sarawak, penduduk Iban sangat berpegang kuat dengan kepercayaan menyimpan *pengaroh* (azimat). Pahlawan-pahlawan Iban yang terbilang sanggup berjalan jauh sampai ke Kalimantan, Indonesia untuk mencari *pengaroh* (azimat) sebagai alat yang membantu mereka menang dalam peperangan bagi mendapatkan kuasa. Menurut informan Jimbun Tawai (2019) *pengaroh* ini selalunya diperoleh ketika melakukan *Adat Bejalai*. Sepanjang proses adat Bejalai tersebut, mereka akan menuntut pelbagai ilmu bagi tujuan mencari kekuatan dan kekayaan. Selalunya, *pengaroh* ini datang dalam pelbagai bentuk seperti batuan, helaian rambut, atau taring binatang dan diwariskan kepada anak cucu mereka.

Menurut informan Mat Minggan (2019) *pengaroh* dipercayai mempunyai kuasa *supernatural* tersendiri untuk melindungi dan menjaga pemiliknya. Selain itu, *pengaroh* berupaya untuk melindungi diri sendiri, mendapatkan kekayaan, mendapatkan kepandaian dalam segala hal dan mengubati orang yang sakit akibat buatan orang atau benda ghaib. Berdasarkan cerita lisan yang didengar oleh beliau dari mendiang datuknya dahulu, semasa Charles Brooke dan askarnya beperang menumpaskan Rentap dan pengikutnya di Bukit Sadok. Dia menyebut “selagi orang Iban tidak meninggalkan *pengaroh*, selagi tu mereka tidak boleh dikalahkan”. Maksudnya hanya orang Iban yang memiliki *pengaroh* yang tinggi sahaja mampu mengalahkan Rentap. Oleh yang demikian, penyebaran Kristianisasi yang meluas dalam masyarakat Iban bertujuan untuk mempengaruhi orang Iban meninggalkan *pengaroh* tersebut kerana dianggap mengganggu dasar pemerintahan Brooke di Sarawak. Kesannya, apabila masyarakat Iban menerima ajaran Kristian dalam hidup mereka, secara tidak langsung kebudayaan lama yang berkaitan dengan alam mistik telah mereka tinggalkan.

Menurut informan Sanggah (2019) dahulu, upacara *Miring* adalah bertujuan untuk memberi persembahan kepada *Petara* bagi memohon perlindungan, keberkatan dan kesihatan yang baik. Semasa melakukan upacara *miring*, artifik budaya seperti piring tembaga, *pua kumbu*, *tikar bemban*, dan *parang ilang* akan digunakan dalam upacara ritual tersebut. Peranan *Tuai Burung*, *Lemambah* dan *Indu Piring* masih lagi difungsikan dengan baik oleh masyarakat Iban di rumah panjang, begitu juga dengan penggunaan artifik budaya mereka. Namun, kini hanya segelintir kecil masyarakat Iban yang masih mengamalkan *Pengarap lama* ini dalam setiap upacara kebudayaan Iban seperti Hari *Gawai*, perkahwinan, adat kematian dan menyambut kedatangan tetamu penting.

Pendidikan

Masyarakat Iban sememangnya sudah menerima pendidikan secara tidak formal sejak mereka masih kanak-kanak di rumah panjang. Pendidikan tersebut diajar oleh ibu bapa mereka bagi menyediakan pengetahuan kepada anak-anak mereka untuk menempuh alam dewasa dan alam perkahwinan kelak. Menurut informan Sima Jang (2019) pendidikan yang diterima oleh masyarakat Iban pada ketika itu hanyalah untuk tujuan kelangsungan hidup dan sara diri sahaja namun berpaksi teguh kepada adat dan pantang larang nenek moyang.

Jadual 1 Kehadiran Pelajar di Sekolah Rendah dan Menengah, 1941 dan 1946-1963

Tahun	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
1941	-	-	22,344
1946	-	-	28,171
1948	32,414	1,050	33,464
1949	34,526	1,296	35,628
1950	37,670	1,753	39,656
1951	39,734	2,550	42,284
1952	41,914	3,537	45,451
1953	44,499	4,573	49,072
1954	47,543	5,245	52,788
1955	53,257	6,271	59,528
1956	61,852	7,174	69,026
1957	71,414	7,993	79,407
1958	82,216	8,716	90,932
1959	88,587	8,556	97,143
1960	94,773	9,266	104,039
1961	97,577	11,244	108,821
1962	99,691	14,779	114,470
1963	105,885	17,727	123,612

Sumber: Annual Report in Sarawak, 1947

Jadual 1 menunjukkan perkembangan jumlah kehadiran murid yang telah mendaftar sekolah di Sarawak dari tahun 1941 sehingga tahun 1963 berdasarkan kepada sumber *Annual Reports on Sarawak*. Kedatangan mubaligh Kristian ke Sarawak telah membuka peluang kepada anak-anak peribumi Sarawak, termasuklah masyarakat Iban pada ketika itu untuk menerima pendidikan secara formal. Mereka diajar membaca, mengira dan menulis. Selain itu, Brooke turut membawa masuk guru-guru Inggeris datang ke Sarawak untuk mengajar di bandar dan pedalaman Sarawak, bahkan Father Dunn telah mewujudkan sekolah yang berteraskan gereja Katolik seperti *Sacred Heart* di Sibu, St. Teresa dan St. Joseph di Kuching.

Kewujudan sekolah tersebut telah membuka minda masyarakat Iban untuk menerokai pelbagai cabang kerjaya yang berbeza dengan pekerjaan mereka hakiki sebelum ini. Pembangunan pendidikan ini terus berkembang sehingga zaman pemerintahan British dan penyatuhan gagasan Malaysia sehingga ke hari ini. Menurut informan Kiyai Uri (2019) beliau sempat mengikuti sekolah yang diajar oleh cikgu dari British di Ulu Medamit, Limbang pada tahun 1963. Mereka telah diajar oleh cikgu-cikgu berkulit putih dan bahasa pengantar yang digunakan di sekolah ialah Bahasa English. Sejak dari tahun 1941 sehingga 1963, Sarawak menerima kemasukan tenaga pengajar dari British untuk mengajar di seluruh negeri, terutamanya kawasan pedalaman Sarawak. Bahkan, British turut melatih cikgu-cikgu dari kaum Iban dan Melayu untuk membantu dalam sesi pengajaran dan melatih mereka sebagai guru yang profesional.

Pembangunan Infrastruktur

Pada tahun 1946 sehingga tahun 1963, pihak British telah membangunkan kemudahan infrastuktur seperti pendidikan, pusat kesihatan, sistem pengangkutan jalan raya dan kereta api di Sarawak. Begitu juga dengan penubuhan hospital dan klinik-klinik desa ditubuhkan oleh pihak British secara berperingkat bermula di bandar utama, iaitu di Kuching sehinggalah ke bahagian kelima, yakni di Limbang. Pembinaan klinik turut merangkumi kawasan pendalaman di Long San, Baram pada tahun 1957 oleh *Roman Catholic Mission*.

Selepas tamat Perang Dunia II pada tahun 1946, banyak kawasan di Asia Tenggara, termasuklah Sarawak dilanda penyakit malaria. Terdapat 30,000 kes telah dilaporkan berlaku di Sarawak, namun kemudahan perubatan yang disediakan oleh pihak British menyebabkan angka itu jatuh menjadi 1,139 kes sahaja. Selepas Sarawak menyertai gagasan Malaysia, telah wujud program perubatan klinik ke ceruk pendalaman. Pegawai-pegawai kesihatan telah datang ke rumah panjang dalam tempoh yang kerap bagi memastikan penduduk di rumah panjang turut menerima rawatan yang secukupnya. Program kesihatan ini sebagai satu alternatif yang dibuat oleh kerajaan kesihatan Malaysia untuk membantu penduduk yang tinggal di luar bandar terutamanya kawasan yang masih belum mempunyai jaringan pengangkutan jalan raya. Menurut informan Gabi Uri (2019), kedatangan pegawai kesihatan daripada klinik kesihatan telah meringankan beban mereka, terutamanya penduduk yang tinggal jauh di kawasan pedalaman. Mereka telah memberi pelbagai kesedaran tentang pelbagai isu penyakit seperti jangkitan malaria, kanser dalam kalangan wanita dan cara menguruskan sanitasi yang efisen. Selain itu, pegawai klinik kesihatan turut membekalkan mereka dengan ubat yang asas seperti *Panadol*, ubat batuk dan ubat sakit perut yang sangat diperlukan oleh mereka di rumah panjang.

Jadual 2 Pertumbuhan Penduduk Negeri Sarawak 1947-1962

Tahun	Jumlah (Orang)
1947	546,385
1948	552,000
1949	555,020
1950	562,197
1951	-
1952	-
1953	596,790
1954	601,958*
1955	613,879*
1956	631,431
1957	648,362
1958	-
1959	703,525
1960	744,529
1961	760,099*
1962	776,990

* Angka tahun 1954, 1955 dan 1961 hanya merangkumi bulan Januari hingga Jun

Sumber: Annual Report in Sarawak, 1963

Berdasarkan kepada Jadual 2, wujudnya kemudahan kesihatan ini di Sarawak telah menggalakkan pertumbuhan dan kadar kelahiran penduduk menjadi semakin baik serta meningkat saban tahun. Faktor ini secara tidak langsung telah mempengaruhi kepercayaan masyarakat Iban terhadap perubatan tradisional *Manang* yang semakin dilupakan dalam budaya Iban. Pembangunan seperti klinik dan hospital telah menyebabkan masyarakat Iban untuk memilih alternatif yang baharu iaitu dengan mempercayai kaedah perubatan moden yang dirasakan lebih terjamin dan sahih keselamatannya berbanding dengan perubatan tradisional yang telah lama diamalkan oleh nenek moyang mereka.

Budaya Pop

Masyarakat Iban turut menghadapi dilema budaya untuk mempertahankan tradisi dan adat lama sebagai lambang identiti mereka. Dalam menghadapi perubahan ini, selalunya unsur-unsur budaya tradisi diketepikan dan budaya moden dipilih menjadi budaya hidup. Sebelum wujudnya jaringan internet, kolonial barat telah menerapkan proses globalisasi yang paling cepat dan pantas ke dalam jati diri masyarakat pribumi di Asia Tenggara, iaitu melalui perkembangan industri budaya popular atau budaya Pop. Industri budaya popular ini telah bermula sejak pemerintahan kolonial lagi. Kolonial British telah membawa masuk banyak elemen budaya barat dan menerapkan budaya mereka tersebut dalam kalangan masyarakat tempatan. Modifikasi budaya ini turut melibatkan masyarakat Iban serta penduduk peribumi lain yang terdapat di Sarawak pada ketika itu. Mereka telah memperkenalkan pelbagai bentuk bahan budaya dan *trend* hidup barat. Faktor tersebut telah mendorong masyarakat Iban berpakaian dan berfikir seperti masyarakat kulit putih, bahkan bahasa rasmi yang digunakan lebih menjurus kepada Bahasa Inggeris.

Selain itu, kewujudan stesen penyiaran televisyen di Malaysia (RTM) yang diperkenalkan pada 28 Disember 1963 banyak mempengaruhi sosialisasi penduduk di Malaysia. Kebanyakan saluran rancangan RTM pada ketika itu diimport dari rancangan televisyen di British. Tambahan lagi, di Singapura pada ketika itu, telah wujud studio filem seperti *Chaty Keris* dan Studio di Jalan Ampas yang melahirkan beberapa ikon filem seperti seniman dan seniwati P. Ramlee dan Saloma menjadi pujaan masyarakat di Tanah Melayu bahkan Sabah dan Sarawak. Pengayaan baju kebaya ketat ala Saloma masih lagi relevan dalam budaya Iban. Fesyen ini berlarutan selama bergenerasi sehingga kini dan dimodifikasi dengan elemen budaya Iban. Gambar 3 merupakan contoh asimilasi pemakaian kebaya pendek dari budaya Melayu dan masyarakat Baba Nonya ditambah dengan elemen pop pengaruh Biduanita Puan Sri Saloma. Menurut informan Sangga Uri (2019), pemakaian kebaya pendek atau dikenali sebagai *kain deraw* lebih popular dalam kalangan wanita Iban adalah kerana dipengaruhi oleh pemakaian fesyen Biduanita Puan Sri Saloma dan penggunaan warna-warna yang cerah dalam kebaya pendek.




Gambar 3 Wanita Iban dan baju *Deraw*
(Sumber: Kerja lapangan ke Rumah Kunjang, Sri Aman, 2019)

Inovasi Plastik dan Komersial

Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langgu (2019), penggunaan barang plastik mudah diterima dalam masyarakat Iban kerana harganya jauh lebih murah berbanding dengan produk atau artifikat yang diperbuat daripada besi atau kaca. Selain itu, plastik juga tahan lama dan tidak mudah rosak. Masyarakat Iban yang menyambut baik penggunaan bahan plastik dalam penghasilan produk kraftangan melihatnya sebagai satu bentuk evolusi dalam industri ini.

Inovasi plastik dalam industri pembuatan telah mengancam penghasilan artifikat budaya dalam kalangan masyarakat Iban. Contohnya, dalam seni anyaman tradisional Iban seperti tikar beman bahan pembuatan anyaman diperoleh dari sumber alam dan dekat dengan lingkungan mereka seperti beman, rotan, *wi* (sejenis rotan) dan *kerupuk*. Masa kini, bahan tersebut telah digantikan dengan plastik yang mudah dan senang didapati di pasaran dan tidak memerlukan mereka ke hutan untuk memperolehnya (Sila rujuk gambar 4). Fungsi plastik yang mempunyai banyak pilihan warna yang menarik, tahan lama serta mudah diperolehi berbanding dengan rotan menjadikan bahan tersebut pilihan utama dalam menganyam anyaman tradisional Iban seperti tikar, bakul dan topi. Selain itu, penggunaan plastik yang

tidak terikat dengan adat dan pantang larang seperti mana penggunaan bahan organik seperti *bemban* misalnya. Menurut informan Berda Gani (2019) mengatakan masyarakat Iban percaya bahawa menanam *bemban* dekat dengan kawasan di rumah panjang, akan mengakibatkan seseorang perempuan menjadi balu dan tidak berasib baik.



Gambar 4: Penghasilan tikar menggunakan bahan plastic
(Sumber: Kerja lapangan di Rumah Liam, Lubok Antu, 2019)

Perkahwinan Campur


Menurut informan Jimbun Tawai (2019) dahulu, perkahwinan berlainan etnik amat jarang berlaku di Sarawak pada ketika itu. Perkara ini disebabkan oleh sifat perjudis dan takut dalam kalangan etnik lain terhadap masyarakat Iban yang dilihat agresif dan dominan dalam berbudaya dan usaha mereka menalukan kawasan penempatan di Sarawak. Menyedari hal tersebut tidak baik bagi pentadbiran baharu Brooke, maka satu diplomasi telah dilakukan untuk menyatukan penduduk peribumi di Sarawak berbaik antara satu sama lain melalui penyebaran agama Kristian dan sekolah mubaligh. Selepas tamatnya Perang Dunia II, proses penyatupaduan penduduk di negeri ini telah berkembang dengan baik dan mengwujudkan asimilasi budaya. Asimilasi ini dilihat sebagai satu mekanisme baharu untuk saling berkongsi dan menerima kepelbagaiannya budaya di negeri ini. Masyarakat Iban belajar dan mengadaptasi budaya dari etnik lain dan memodifikasinya sesuai dengan kebudayaan mereka. Secara tidak langsung, asimilasi budaya ini telah mewujudkan perkahwinan campur dalam kalangan masyarakat Iban dengan etnik lain di Sarawak. Perkahwinan telah membawa satu perubahan baharu dalam budaya Iban untuk menerima pengaruh luar dari budaya nenek moyang mereka.

Menurut informan Dora Jok (2019), perkahwinan campur telah mewujudkan kesan pro dan kontra dalam budaya masyarakat Iban kini, sama ada melibatkan budaya ketara atau tidak ketara. Perkara positif yang terlahir hasil daripada perkahwinan campur tersebut merapatkan lagi keharmonian dan perpaduan di antara masyarakat Iban dengan masyarakat lain yang terdapat di Sarawak. Beliau berpendapat bahawa perkahwinan campur turut dilihat memberi dampak yang negatif dalam keaslian budaya sesebuah masyarakat. Impak dari perkahwinan campur akan menyebabkan kekeliruan identiti, kepupusan penguasaan bahasa ibunda dan budaya untuk anak-anak serta generasi baharu di masa hadapan.

Perkahwinan campur mampu memutuskan dan menghapuskan amalan lama yang diwarisi oleh nenek moyang sejak dulu lagi. Contohnya, apabila masyarakat Iban berkahwin dengan etnik lain, maka kecenderungan mereka untuk meninggalkan amalan budaya asal itu adalah tinggi. Masyarakat Iban memiliki upacara adat perkahwinan yang penuh adat istiadat dengan penggunaan artifak budaya dalam upacara perkahwinan yang dipanggil *Pengawa Melah Pinang*. Penggunaan artifak budaya seperti busana tradisional iaitu *Ngepan* dan *Bebaju Burong*, gong (tempat duduk kedua pasangan pengantin), baku (tempat menyimpan pinang). *Kacip* (alatan untuk mengupas pinang) piring (persempahan), *Pua Kumbu*, *Tikai* (alas untuk duduk) dan beberapa artifak budaya lain mungkin akan dilupakan dan tidak dilakukan lagi dalam upacara perkahwinan kerana berlainan adat dan kepercayaan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan Rajah 3 yang telah diubahsuai daripada model Lewin (1947), penyelidik telah mengadaptasi model tersebut dalam kemunduran budaya masyarakat Iban dengan melihat perubahan budaya yang boleh memberikan impak secara berkala kepada penggunaan artifak dalam budaya, iaitu secara penuh, separa atau pupus berdasarkan fungsinya kepada masyarakat Iban kini.



Rajah 3 Perubahan dalam material budaya Iban
(disesuaikan daripada model Lewins, 1947)

Penuh

Penuh bermaksud artifak budaya tersebut masih relevan dan diperlukan dalam budaya masyarakatnya, bahkan fungsi serta proses pembuatannya masih lagi dipertahankan sebagai identiti dan warisan mereka sehingga ke hari ini. Ciri-ciri artifak budaya yang bersifat penuh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu keaslian (merangkumi teknik pembuatan, keaslian fungsi dan bahan yang digunakan) dan modifikasi (mengekalkan fungsi namun teknik dan bahan yang digunakan telah dimodifikasi menjadi komtemporari). Contohnya *Pua Kumbu*, penggunaan *Pua Kumbu* sebagai artifak budaya kekal relevan dalam budaya masyarakat Iban terutamanya ketika upacara ritual dan adat istiadat.

Proses pembuatannya masih melestarikan kearifan tempatan dan intelektual seni yang diajarkan dan diwariskan oleh nenek moyang terdahulu. Contoh masyarakat Iban yang masih mengamalkan pembuatan *Pua kumbu* secara asli seperti di Sungai Kain, Nanga Balleh, Kapit dan Rumah Liam, Rantau Kembayau Manis di Lubok Antu. Budaya menenun tekstil *Pua* masih menggunakan bahan-bahan dari alam semulajadi seperti *engkerabai*, *tarum* dan akar kayu untuk mencipta tekstil *Pua*. Masyarakatnya masih berpegang teguh kepada pantang larang serta *taboo* dalam menenun, mereka corak dan memproses *Pua Kumbu* di rumah panjang.

Separa

Separa merujuk kepada artifak budaya masyarakat Iban yang masih kekal dalam budaya masyarakatnya namun fungsinya telah disesuaikan dengan kerelevan zaman. Umumnya, perkara ini disebabkan oleh sikap masyarakat Iban pada hari ini yang masih memiliki perasaan bangga dan menghargai artifak budaya nenek moyang dalam sesebuah peristiwa atau sejarah, misalnya sejarah *Ngayau* (memburu kepala). Adat tersebut adalah merupakan sebuah bukti sejarah yang unggul bagi kepercayaan masyarakatnya dalam memanifestasikan kearifan mereka dalam bidang perang. Sejarah dan nilai signifikannya dalam budaya Iban masih dipertahankan bagi pengekalan identiti Iban itu sendiri. Contoh artifak budaya yang masih mendapat tempat dalam budaya Iban seperti senjata perang Iban iaitu *parang ilang* dan *terabai*. Senjata perang yang digunakan dalam *Ngayau* merupakan artifak budaya masih

dikagumi oleh masyarakatnya sehingga kini, biarpun adat tersebut telah lenyap namun artifak tersebut masih disimpan sebagai barang perhiasan untuk tujuan kenang-kenangan.

Pupus

Pupus merujuk kepada artifak budaya Iban yang sudah tidak dipraktikkan lagi fungsi, amalan, dan kearifan tempatannya dalam masyarakat Iban. Sejarah dengan perubahan masa dan norma kehidupan manusia, pasti wujudnya artifak yang dipinggirkan dalam sesebuah budaya. Perkara ini dipengaruhi oleh beberapa sebab, antara yang paling jelas dalam norma kehidupan masyarakat Iban ialah pengaruh agama dan globalisasi. Kepercayaan mereka terhadap unsur-unsur animisme semakin terhakis dan dipinggirkan dalam kalangan Iban baharu. Contoh yang paling jelas adalah perubatan alternatif yang menggunakan *Manang* (bomoh) dalam amalan perubatan tradisional. Perubahan ini telah menyebabkan generasi Iban kini tidak berpeluang untuk melihat atau mengenal rawatan tradisional Iban berdasarkan kearifan tempatan seperti *belian*, *besudi* dan *begama* yang merupakan warisan tradisi nenek moyang sejak zaman berzaman. Kehakisan amalan tradisional ini dalam budaya Iban telah menyebabkan artifak budaya yang digunakan oleh *Manang* seperti *Lupong*, *Batu ilau*, dan busana dalam perubatan *Manang* turut pupus bersama-sama dengan ilmu kearifan tempatan tersebut.

KESIMPULAN

Senario ini tidak hanya khusus kepada masyarakat Iban di Sarawak sahaja, malahan berlaku kepada kebudayaan asal lain. Isu berkaitan dengan penghakisan budaya dalam kalangan masyarakat Iban moden tidak dapat dikawal secara sepenuhnya, namun mampu dicegah dengan pelbagai usaha untuk mengawal dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat Iban secara am tentang penjagaan warisan budaya. Tanggungjawab ini perlulah dipupuk bersama oleh masyarakat Iban dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Muzium Sarawak, *Tun Jugah Foundation* dan universiti awam untuk memastikan artifak budaya Iban tidak pupus di masa hadapan dengan memikirkan cara yang kolektif dalam melestarikan dan membangunkan artifak budaya Iban. Adalah menjadi suatu kerugian besar, khususnya kepada masyarakat Iban sekiranya artifak budaya tidak dipelihara dan diteruskan amalannya dalam budaya kerana warisan budaya ini merupakan satu legasi yang mencerminkan identiti sesebuah etnik dalam kearifan tempatan, pantang larang dan ketamadunan masyarakat

RUJUKAN

- Annual Report in Sarawak*, 1947- Jumlah kehadiran murid sekolah menengah dan rendah 1941-1963
Annual Report in Sarawak, 1963- Pertumbuhan penduduk Negeri Sarawak 1947-1962
Burnes, B. (2020). The origins of Lewin's three-step model of change. *The Journal of Applied Behavioral Science*, 56(1), 32-59.
Kiyai, G. (2022). Makhluk Mitologi Dalam Artifak Budaya Iban: Pua Kumbu Mythological Creatures In Iban Cultural Artifacts: Pua Kumbu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 35(1).
Keai, G. K. (2021). Inspirasi Alam Dalam Artifak Budaya Masyarakat Iban Di Sarawak: The Inspiration of nature in the Iban Cultural Artifacts at Sarawak. *Sains Insani*, 6(3).
Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka: Cultural Artefacts of The Iban: Heritage and Heirloom. *Jurnal Kinabalu*, 59-59.
Lewin, K. (1947). Group decision and social change. *Readings in social psychology*, 3(1), 197-211.
Mujani, W. K., & Yusuf, N. (2010). Islam dan Missionari di Sarawak: Kesan terhadap Pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941. *SOSIOHUMANIKA*, 3(2). pp
Roddin, R., Sidi, N. S. S., & Sharipah, N. (2013, June). Pembinaan keupayaan dalam pelancongan orang asli: satu kajian kes dalam komuniti Mah Meri. In Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR (Vol. 5).
Saidin, M. (2011). *Dari Zaman Batu ke Tamadun Awal di Malaysia: Pemerksaan Jati Diri Bangsa* (Penerbit USM). Penerbit Usm.
Stebbins, R. A. (2001). *Exploratory research in the social sciences* (Vol. 48). Sage.
Tugang, N. (2011). *Tembikar dalam budaya Iban di Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak.

